

11 APR 1997

Abdullah-Cuba

CUBA BERCADANG BUKA KEDUTAAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Malaysia menyambut baik hasrat Cuba membuka sebuah kedutaan di sini, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya cadangan itu disampaikan dalam pertemuan beliau dengan rakan sejawatannya dari Cuba Roberto Robaina Gonzales di Wisma Putra di sini.

Ketika ditanya pemberita sama ada Malaysia akan membuka sebuah kedutaan di Havana, Abdullah berkata: "Perkara ini tidak boleh diputuskan pada peringkat kementerian. Tetapi kita akan menyediakan pegawai-pegawai sekiranya kerajaan memutuskan untuk membuka kedutaan di sana."

Beliau berkata langkah membuka kedutaan ialah satu perkara biasa apabila hubungan dua hala diperluaskan.

"Apabila banyak aktiviti antara kita dan negara berkenaan, membuka kedutaan itu menjadi langkah yang logik dan tidak boleh dielakkan lagi. Cuma masanya saja perlu ditentukan," katanya.

Menurutnya, Robaina juga telah menyampaikan jemputan Presiden Fidel Castro kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melawat Cuba. Robaina mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri semalam.

Selain itu, Abdullah berkata Cuba berminat bertukar-tukar pengalaman dengan Malaysia dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan, pembasmian kemiskinan, perladangan, perancangan luar bandar dan hubungan antarabangsa.

Antara aspek yang boleh dipelajari Cuba ialah program pembukaan tanah dan perladangan seperti Felda yang berjaya meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar di samping membolehkan mereka memiliki tanah, katanya.

Robaina tiba Rabu lepas untuk lawatan lima hari ke Malaysia. -- BERNAMA
MAM RON